

CNS2617

U GB 26-03 00188 BH061

bah

Mahathir-kesal (Bergambar)

PM KESAL DENGAN TINDAKAN KERAJAAN K'TAN

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kesal dengan tindakan kerajaan Kelantan melarang semua pegawai kerajaan negeri dan jabatan Persekutuan di negeri itu bekerjasama dengan menteri-menteri Pusat dalam apa jua perkara.

Perdana Menteri berkata, melalui tindakan ini, kerajaan Kelantan pimpinan PAS hanya menanggungkan kerja-kerja pembangunan di negeri itu kerana sebahagian daripada kerja-kerja itu bergantung kepada bantuan daripada kerajaan Pusat.

"Kalau benar tindakan mereka itu, ini mendukacitakan kerana banyak kerja pembangunan bergantung kepada kelulusan dan bantuan kewangan kerajaan Pusat," kata beliau kepada pemberita di "Rumah Terbuka" sempena Hari Raya kedua di Seri Perdana di sini.

Semalam, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa ketika mendedahkan perkara ini juga berkata tindakan itu adalah merupakan beberapa tindakan "pihak atasan" kerajaan Kelantan sebagai reaksi kepada beberapa isu hangat yang timbul kebelakangan ini.

Annuar berkata perkara itu akan dibawa ke Kabinet kerana antara lain arahan itu juga tidak membenarkan pegawai kerajaan negeri dan pusat menemui menteri-menteri tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran. -- lagi

▼26/03/15-05MST

CNS2618

U GB 26-03 00144 BH062

bah

Mahathir-kesal 2 Kuala Lumpur

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai bermotifkan politik, Dr Mahathir berkata, kalau kerajaan negeri itu tidak mengadakan perhubungan dengan kerajaan Pusat maka projek pembangunan di Kelantan akan tergendala dan ini hanya akan menyusahkan rakyat.

Beliau menasihatkan pegawai jabatan Persekutuan supaya terus bekerjasama dan mematuhi segala arahan kerajaan Pusat dalam apa juga keadaan.

Annuar dilaporkan sebagai berkata, kerajaan Kelantan memaksa pegawai kerajaan negeri dan pusat supaya jangan bekerjasama dalam menyediakan peralatan dan sebagainya kepada seseorang menteri (bagi sesuatu majlis yang dihadiri).

Kata Annuar lagi, beberapa tindakan kerajaan negeri sejak kebelakangan ini mempunyai niat tertentu seperti memecat imam-imam yang memegang jawatan dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Perdana Menteri memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pegawai kerajaan Persekutuan yang didapati tidak mematuhi arahan daripada kerajaan Pusat. -- lagi

▼26/03/15-07MST

CNS2621

U GB 26-03 00099 BH063

bah

Mahathir-kesal 3 (akhir) Kuala Lumpur

"Kita (kerajaan Pusat) yang bayar gaji mereka (dan dengan itu mereka harus ikut arahan kerajaan Pusat)," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau ingin mendapatkan laporan lanjut mengenai tindakan terbaru kerajaan Kelantan itu.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dan isteri beliau Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali meraikan beberapa orang menteri kabinet, duta asing dan orang kenamaan.

Antara yang hadir ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan bekas Perdana Menteri Sri Lanka Puan Sirimavo Bandaranaike. -- Bernama

▼26/03/15-20MST